

11 DEC 2002
MAHATHIR-RINGGIT/I
TAMBATAN RINGGIT KEKAL, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa tambatan ringgit akan kekal wujud kecuali sesuatu yang drastik berlaku.

"Seperti contoh, negara-negara jiran kita dengan siapa kita bersaing... matawang-matawang mereka susut nilai begitu banyak sehingga kita tidak lagi kompetitif atau mereka naik nilai terlalu banyak sehingga kos import oleh Malaysia menjadi amat tinggi," beliau memberitahu sidang akhbar di sini hari ini selepas melancarkan buku penulis Alijah Gordon "In the Time of the Mishmish".

Dr Mahathir berkata beliau tidak faham kenapa pihak-pihak tertentu berkata regim kadar tukaran wang ditetapkan itu adalah tidak baik.

"Saya tidak melihat kestabilan di negara-negara di mana matawang-matawang diapung tetapi kita boleh lihat China (yang juga mengikut regim tukaran wang ditetapkan) berprestasi baik, dan Malaysia juga berprestasi baik," katanya.

Katanya Argentina, yang mempunyai kadar tukaran wang ditetapkan tetapi kini menghadapi masalah ekonomi, mungkin tidak berprestasi baik tetapi itu adalah perkara berlainan sama sekali.

Mengenai laporan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) terbaru yang menyatakan bahawa Malaysia sedang pulih daripada kesan kelembapan global tahun lalu, Dr Mahathir berkata bahawa itu adalah bukti pendirian yang diambil oleh Malaysia dalam menangani krisis ekonominya.

IMF telah lama menerima bahawa apa yang dilakukan Malaysia adalah betul, sungguhpun hanya selepas empat tahun sejak krisis kewangan Asia yang IMF akhirnya memperakui tindakan Malaysia sebagai langkah yang betul dalam laporannya, katanya.

"Mereka berkata bahawa kita melakukan perkara yang betul dan bahawa terdapat cara alternatif menangani krisis kewangan itu."

Beliau bagaimanapun, menambah, "Tetapi pada akhirnya, mereka menyatakan kita harus sebenarnya menghapuskan penetapan kadar tukaran wang supaya kadar tukaran itu akan ditentukan oleh spekulator-spekulator matawang... dan anda tahu apa yang telah berlaku kepada kita."

Dr Mahathir berkata spekulator-spekulator matawang tidak berminat terhadap kestabilan (sesebuah negara) kerana mereka tidak akan dapat membuat wang kecuali matawang naik atau turun.

"Jadi mereka mahu matawang naik dan turun agar mereka boleh membuat wang. Mereka tidak berminat terhadap ekonomi kita," tambahnya. -- BERNAMA

LIB MSL SD OS